

# Lemang periuk kera timbulkan keresahan pencinta alam

**KUALA LUMPUR** - Lemang periuk kera kini semakin popular dan menjadi pilihan untuk dijadikan juadah sempena sambutan Aidilfitri kerana dikatakan lebih enak daripada lemang yang dimasak di dalam buluh.

Bagaimanapun, penghasilan lemang menggunakan kelongsong periuk kera itu menimbulkan keresahan dalam kalangan pencinta alam kerana penuaian kelongsong periuk kera secara keterluan boleh membawa kepada kepupusan spesies tumbuhan itu.

Pensyarah Universiti Pertanian Malaysia, Dr K Daljit Singh berkata, sekiranya penjualan lemang periuk kera ingin diteruskan, pihak berkuasa perlu segera meneliti cara terbaik memelihara tumbuhan itu daripada diancam kepupusan.

"Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu. Penguatkuasaan perlu dilakukan dan sekiranya masyarakat berpendapat perniagaan ini boleh membantu menambah pendapatan, maka seharusnya pihak berkuasa perlu juga meningkatkan akti-



viti penanaman semula.

"Hal ini bagi memastikan populasi periuk kera tidak akan terjejas dan pengetahuan tentang jenis-jenis periuk kera yang terancam atau tidak itu perlu diketahui umum agar mereka dapat membezakannya apabila membeli daripada peniaga," kata Daljit yang juga pakar dalam bidang rehabilitasi perhutanan.

Isu yang mendapat perhatian di media sosial itu telah dibangkitkan oleh Felo Penyelidik dan Pensyarah dalam bidang Botani & Pemuliharaan Biologi di Uni-

versiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad yang melahirkan kebimbangannya terhadap aktiviti menuai periuk kera secara berleluasa ketika ini.

Dr Abdul Latif berkata, kenyataan peniaga yang menafikan tindakan mereka mengancam populasi periuk kera sebagai tidak relevan kerana hanya pihak di Institut Penyelidikan Perhutanan dan pakar dari universiti sahaja boleh menilai faktor tumbuhan itu diancam.

Sementara itu, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Mohd Yussainy Md Yusop berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan terhadap kumpulan pencari periuk kera di Johor dan memastikan periuk kera itu tidak diambil dari hutan simpan.

Menurut Yussainy lagi, pencari kelongsong periuk kera itu adakalanya mendapatkan bekala daripada Orang Asli yang menjual pada harga RM25 bagi 100 kelongsong periuk kera. - *Bernama*